

Unsur Feminisme Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif

Elements Of Feminism In Malay Proverbs: An Inquisitive Semantic Study

JULAINA BINTI NOPIAH^{1*} & NURHUDA MAISARAH BINTI AZHAN¹

¹Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

*Penulis Koresponden: julainanopiah@iium.edu.my

Received: 15 Ogos 2025; Accepted: 23 Oktober 2025

ABSTRAK

Dalam arus modenisasi bahasa, penggunaan peribahasa Melayu kini semakin berkurangan dalam kalangan masyarakat masa kini. Peribahasa merupakan susunan kata atau ayat yang mempunyai maksud tertentu dan biasanya merujuk kepada maksud yang tersirat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan unsur feminisme yang terdapat dalam peribahasa Melayu berdasarkan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Kajian yang dilakukan adalah berbentuk kualitatif. Data kajian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu gemar menggunakan objek tertentu seperti bulan, bunga, nama burung serta perigi bagi merujuk kepada perempuan dalam peribahasa. Justeru, sebanyak empat objek peribahasa yang difokuskan dalam kajian ini, iaitu bulan, murai, merpati dan perigi. Hasil kajian mendapati objek peribahasa seperti bulan merujuk kepada keterampilan, murai dan merpati merujuk kepada tingkah laku, manakala perigi merujuk kepada fitrah. Hakikatnya, setiap objek perlambangan yang dipilih dalam kajian ini mempunyai falsafah dan akal budi yang tersendiri. Falsafah dan akal budi tersebut terjelma melalui makna yang tersembunyi di sebalik unsur feminisme yang digunakan dalam pelbagai aspek seperti sifat, peristiwa dan objek yang berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Unsur-unsur ini bukan sahaja mencerminkan pandangan budaya terhadap peranan dan nilai wanita, tetapi turut membentuk cara orang Melayu berfikir, menilai, dan menyesuaikan diri dengan norma sosial yang diwarisi. Dalam konteks ilmu semantik, penzahiran ini membuktikan bahawa peribahasa bukan sekadar ungkapan linguistik, sebaliknya merupakan sistem pengetahuan budaya yang kompleks, yang membolehkan makna dikonstruksi secara berlapis menerusi perlambangan dan pengetahuan kolektif.

Kata kunci: Semantik Inkuisitif, feminisme, peribahasa, akal budi, masyarakat Melayu

ABSTRACT

In the wave of language modernization, the use of Malay proverbs has been gradually declining among contemporary society. Proverbs are arrangements of words or sentences that carry specific meanings, often referring to implied meanings. The study aims to identify and analyze the use of feminist elements in Malay proverbs using the Inquisitive Semantics (SI) and Cross-Referencing Frameworks (RRS) approaches. The research conducted is qualitative in nature. Data from the study indicate that Malay society often uses specific object such as the moon, flowers, bird names, and wells to refer to women in proverbs. Therefore, four proverbial objects are focused on in this study: the moon, magpie, dove, and well. The study found that proverbial objects such as the moon refer to skills, magpies and doves refer to behavior, while wells refer to nature. In essence, each chosen symbolic object in this study has its own philosophy and wisdom. The philosophy and wisdom of the Malay people are manifested through the hidden meanings behind feminist elements expressed in various aspects such as traits, events, and objects closely tied to their daily lives. These elements not only reflect the cultural views on the role and value of women, but also shape the way Malays think, evaluate, and adapt to inherited social norms. From a semantic perspective, this expression demonstrates that proverbs are not merely linguistic utterances, but rather a complex system of cultural knowledge that allows meaning to be constructed in layered ways through symbolism and collective cognition.

Keywords: Semantic Inquisitive, feminism, proverbs, common sense, Malay society

PENDAHULUAN

Bahasa berevolusi tetapi falsafah dan akal budi masyarakat penutur bahasa masih lagi kekal hingga ke hari ini. Salah satu warisan bahasa yang masih kekal mengekalkan struktur dan makna ialah bahasa kiasan. Peribahasa merupakan contoh bahasa kiasan Melayu yang ‘tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas’. Walaupun generasi baharu semakin kurang merasakan bahasa kiasan ini relevan tetapi bahasa kiasan seperti peribahasa tetap segar dan mampu mencabar minda penggunanya. Makna tersirat dalam bahasa kiasan sering menjadi penghalang kepada generasi kini untuk mempelajari dan memahami bahasa tersebut. Kramsh (2001), yang dipetik daripada Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011), menyatakan bahawa bahasa merupakan alat asas bagi tindakan manusia dalam kehidupan sosial. Bahasa juga berkait rapat dengan budaya dalam bentuk yang berlapis dan kompleks, di samping mengungkapkan elemen budaya serta melambangkan identiti sesuatu bangsa dan budayanya.

Dalam keunikan peribahasa Melayu, kita sering menemukan gambaran tentang kehidupan seharian yang mencerminkan nilai-nilai sosial masyarakat, seperti semangat gotong-royong, hormat kepada orang tua dan kepentingan menjaga adat. Melalui peribahasa-peribahasa ini, terwujud suatu pemahaman yang menggambarkan peranan jantina serta penghargaan terhadap sumbangan dan penglibatan wanita dalam pelbagai bidang kehidupan. Peribahasa juga menjadi salah satu bentuk bahasa yang digunakan untuk menyampaikan nilai-nilai tersebut secara halus dan berbudaya. Peribahasa telah diakui sebagai seni berbahasa Melayu yang unik dan kreatif kerana ia berkait rapat dengan akal budi dan budaya bangsa Melayu. Menurut Muhammad Haji Salleh (2023), peribahasa Melayu bukan sahaja mengandungi makna tersirat, tetapi juga digunakan sebagai strategi komunikasi tidak berterus terang untuk menyampaikan buah fikiran, teguran dan sindiran secara halus. Makna tersirat ini lazimnya disampaikan melalui simbol dan lambang yang diambil daripada unsur alam sekitar, yang berakar daripada pengalaman dan pemerhatian masyarakat.

Wanita dianggap sebagai peranan penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat. Hal ini demikian kerana, mereka merupakan simbol kepada kelembutan, kebijaksanaan dan ketabahan. Sebagai contoh dalam masyarakat Melayu, terdapat peribahasa seperti ‘*tangan yang mengayun buaian*

dapat menggoncang dunia’. Daripada peribahasa ini, terbukti bahawa walaupun wanita itu sifatnya lemah-lembut dan berjiwa keibuan tetapi mampu menyumbangkan tenaga serta idea mereka untuk membangunkan negara. Agama Islam telah meletakkan kedudukan wanita seiring dengan lelaki dalam pelbagai perkara. Lazimnya, banyak ayat dalam al-Quran telah menyebut lelaki dan wanita dalam satu-satu ayat yang mencerminkan bahawa agama Islam tidak mendiskriminasikan golongan wanita. Bahkan, tidak ada perbezaan daripada kejadian lelaki dan wanita kecuali taqwa. Firman Allah SWT:

“Hai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenali. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

Surah al-Hujurat [13]

Kajian ini menggunakan peribahasa Melayu yang disusun oleh Abdullah (2017) dalam buku peribahasa yang bertajuk “Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua”. Buku tersebut dijadikan panduan utama kepada pengkaji dalam memperoleh data bagi kajian ini. Menurut Abdullah Hussain (2017), *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* ini bukanlah merupakan satu karya asli melainkan satu usaha kecil untuk menyusun dan mengumpulkan peribahasa menurut satu sistem yang lebih mudah. Kajian ini juga melakukan kajian ini dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif yang mampu untuk mencungkil daya fikiran pengkaji kerana pendekatan ini akan menjawab persoalan demi persoalan mengenai lambang yang dipilih dan asbab makna itu yang diberikan. Kesemuanya mempunyai hubungan kait dengan akal fikiran dan akal budi Melayu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Peribahasa Melayu digunakan secara meluas dalam bahasa Melayu sama ada penggunaannya dalam bentuk lisan mahupun bukan lisan. Tanpa sedar, peribahasa digunakan dalam kehidupan seharian kerana peribahasa boleh wujud dalam bentuk simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, pepatah serta kata-kata hikmah yang telah menjadi inspirasi kepada falsafah kehidupan yang lebih unggul. Justeru, peribahasa berupaya untuk menggambarkan nilai dan sikap anggota masyarakat Melayu serta

mewujudkan keseronokan dalam pergaulan. Namun begitu, dalam meniti kehidupan pada marcapada, penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan masyarakat generasi pada hari ini sedikit membimbangkan.

Masyarakat kini tidak lagi menjadikan peribahasa sebagai kaedah utama dalam menasihati, menyindir, menggambar dan menyampaikan sesuatu. Keadaan ini berlaku apabila masyarakat kurang menerapkan penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian. Mengetahui makna sesuatu peribahasa dalam era yang semakin berkembang ini seakan perkara yang mengejutkan dalam kalangan masyarakat. Memang tidak dapat dinafikan, kebanyakan orang Melayu itu sendiri tidak memahami maksud peribahasa yang dituturkan oleh mereka kerana mereka menganggap bahawa tradisi Melayu yang menggunakan bahasa kiasan dalam kehidupan perlu dilupakan. Kesannya, dengan peredaran zaman yang serba moden ini, masyarakat lebih gemar untuk berterus terang dan tidak berkias ketika ingin menyatakan sesuatu daripada fikiran sehingga boleh mengguris perasaan orang sekeliling.

Kenyataan di atas adalah sejajar dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Aminuddin Saimon dan Muhammad Asyraf Md. Rashid (2022) yang mengatakan bahawa keadaan semasa memperlihatkan golongan muda tidak lagi meminati peribahasa. Perkara ini dapat disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Nurul Amisyah Nabila Jaafar, Nurul Farah Nadiyah Maspor, Nurul Balqish Mat Jurit dan Zuraidda Ibrahim (2022) yang telah menjalankan penyelidikan terhadap 1523 orang yang melibatkan remaja di seluruh Malaysia untuk mengenal pasti tahap penguasaan peribahasa mereka. Hasil penyelidikan tersebut mendapati sebanyak 60%, iaitu 894 orang pelajar telah gagal dalam penguasaan peribahasa Melayu. Penyelidikan yang telah dilakukan itu menunjukkan penguasaan peribahasa masih lemah dan perlu diberi perhatian yang serius. Lantaran isu ini, masalah yang timbul ialah tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan masyarakat yang tidak memuaskan. Hal ini telah menyebabkan penggunaan peribahasa dalam kehidupan seharian tidak dapat difahami dengan baik dan seterusnya telah menyebabkan falsafah yang tersirat di sebalik peribahasa tersebut tidak berjaya disampaikan dengan baik kepada penerima.

KAJIAN LITERATUR

Penggunaan pendekatan Semantik Inkuisitif dalam pengajaran dan pemahaman peribahasa telah diperkenalkan oleh Mohd Ridzuan Md Nasir dan Mary Fatimah Subet (2018), yang menegaskan bahawa peribahasa tidak wajar dilihat sebagai elemen sampingan dalam pengajaran bahasa. Sebaliknya, ia merupakan medium penting dalam penguasaan bahasa dan pemahaman budaya. Pendekatan ini dilihat berkesan dalam memberi makna lebih mendalam terhadap peribahasa melalui penerokaan aspek tersirat dan perlambangan. Walaupun kajian tersebut memberi tumpuan kepada inovasi pedagogi di bilik darjah, ia membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang menekankan pemaknaan simbolik dalam peribahasa secara lebih menyeluruh.

Sejumlah kajian lain turut mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif, namun dalam skop dan fokus berbeza. Misalnya, Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021) meneliti simbol padi sebagai perlambangan kerendahan diri dalam budaya Melayu. Walaupun kajian ini memperlihatkan kekuatan pendekatan Semantik Inkuisitif dalam mencungkil nilai akal budi Melayu, fokusnya terhad kepada simbol tunggal dan belum memperluas analisis kepada lambang lain secara perbandingan. Kajian Muhammad Zaid Daud (2020) pula mengkaji lambang unggas seperti ayam, itik dan burung dalam peribahasa Melayu. Walaupun berjaya menunjukkan kaitan simbolik antara unggas dan sifat manusia, metodologi yang digunakan masih kurang menonjolkan bagaimana proses pemaknaan dilakukan secara inkuisitif. Ini menunjukkan masih terdapat ruang untuk memperincikan analisis melalui pendedahan kepada proses semantik yang lebih sistematik.

Beberapa kajian memberikan perhatian khusus kepada imej wanita dalam peribahasa. Kajian Zabedah Mohammed dan Shaiful Bahri Md Radzi (2020) meneliti imej bunga sebagai simbol femininiti, dengan mendapati bahawa peribahasa Melayu banyak menampilkan wanita sebagai lambang keindahan, kelembutan dan nilai estetika. Walaupun analisis ini penting dalam mengenal pasti perlambangan gender, pendekatan yang digunakan masih bersifat deskriptif dan belum meneroka

potensi pendekatan semantik yang dapat menyingkap struktur makna dan pengekodan budaya secara lebih mendalam. Kajian lanjutan oleh penulis yang sama (2019) pula memperlihatkan bahawa imej wanita dalam peribahasa bukan sahaja berkaitan rupa paras, tetapi juga dikaitkan dengan sifat luhur dan maruah diri yang tinggi, sekali gus mencabar stereotaip bahawa peribahasa hanya menampilkan wanita sebagai golongan pasif.

Dalam konteks feminisme, kajian oleh Siti Nur Izzaty Salit et al. (2018) menggunakan pendekatan Semantik Kognitif untuk mengenal pasti 17 peribahasa yang mengandungi unsur feminisme positif. Mereka mengkategorikan peribahasa tersebut kepada ciri-ciri wanita unggul, peningkatan darjat serta taraf hidup wanita. Dapatan ini memperkukuh naratif bahawa peribahasa Melayu turut menyampaikan mesej yang mengangkat martabat wanita. Namun, pendekatan kognitif yang digunakan lebih berorientasikan struktur imej dan metafora konseptual, dan belum meneroka aspek inferens dan nilai budaya yang dapat dikupas melalui Semantik Inkuisitif. Justeru, terdapat potensi untuk memperkukuh dapatan feminisme dalam peribahasa dengan pendekatan yang lebih menekankan dimensi tersirat dan falsafah budaya.

Beberapa penyelidikan turut menggunakan Rangka Rujuk Silang (RRS) dan Teori Relevans (TR) dalam menganalisis makna budaya. Sebagai contoh, Enie Zahnida Haji Md Seruddin (2018) meneliti pantang larang suku Kedayan di Brunei dan membuktikan bagaimana makna tersirat dapat dikenalpasti melalui konteks pragmatik dan andaian yang dibina oleh pendengar. Kajian Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin (2018) pula menggunakan kedua-dua teori tersebut dalam meneliti metafora bunga kiambang dalam pantun Melayu. Walaupun kedua-dua kajian ini bukan secara langsung mengenai peribahasa, pendekatan analisis makna secara kontekstual yang digunakan membuktikan keberkesanan RRS dan TR dalam menyingkap maksud tersirat ujaran budaya. Namun, keterbatasan tetap wujud kerana ia tidak menumpukan pada proses penjanaan makna melalui pemilihan simbol, seperti yang ditekankan dalam Semantik Inkuisitif.

Satu lagi kajian penting ialah oleh Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah Anuar (2023) yang mengkaji unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan objek perlambangan yang merangkumi manusia, haiwan, dan tumbuhan yang menggambarkan cara halus masyarakat Melayu menyampaikan

teguran atau kritikan. Kajian ini sejajar dengan pendekatan Semantik Inkuisitif yang menelusuri makna melalui perlambangan dan implikasi sosial. Walau bagaimanapun, skop kajian masih belum memperincikan hubungan antara perlambangan eufemistik dengan nilai budaya secara eksplisit.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa peribahasa Melayu merupakan manifestasi nilai, norma dan akal budi masyarakat. Pelbagai pendekatan telah digunakan, termasuk Semantik Kognitif, Rangka Rujuk Silang, dan Teori Relevans, namun pendekatan Semantik Inkuisitif masih belum dimanfaatkan sepenuhnya dalam meneroka lambang-lambang tertentu seperti femininiti. Penekanan terhadap makna tersirat dan perlambangan budaya yang mendalam menjadikan pendekatan ini wajar diterapkan secara lebih sistematik bagi memahami bukan sahaja struktur bahasa, tetapi juga struktur pemikiran yang membentuknya. Justeru, kajian ini bertitik tolak daripada keperluan untuk meneroka perlambangan dalam peribahasa, khususnya yang berkaitan wanita, dengan menggunakan Semantik Inkuisitif sebagai alat analisis utama untuk menyingkap falsafah budaya Melayu yang terpendam di dalamnya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

UNSUR FEMINISME DALAM PERIBAHASA MELAYU

Setelah diteliti, pengkaji mendapati bahawa terdapat peribahasa yang mempunyai unsur feminisme dalam peribahasa Melayu. Peribahasa dapat dikenal pasti berdasarkan kaedah kajian yang telah dinyatakan dalam bahagian metodologi kajian ini. Pengkaji mendapati bahawa terdapat 25 peribahasa Melayu yang mempunyai unsur feminisme. Peribahasa yang terdapat dalam *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* dapat membantu pengkaji untuk mencungkil akal budi Melayu yang terdapat penggunaan unsur feminisme di dalam peribahasa. Namun begitu, pengkaji tidak akan menghuraikan kesemua peribahasa yang telah ditemui dalam kamus ini. Pengkaji telah membataskan skop dan menghuraikan tiga peribahasa sahaja dalam bab ini. Antara peribahasa yang dipilih '*bagai bulan empat belas*' yang merujuk kepada kecantikan wajah seseorang wanita. Selain itu, peribahasa yang dianalisis oleh pengkaji adalah peribahasa '*jinak-jinak merpati*' yang bermaksud orang perempuan yang nampak jinak tetapi setelah didekati ternyata

sebaliknya. Selain itu, peribahasa yang menjadi pilihan pengkaji adalah '*perigi cari timba*' yang merujuk kepada perempuan yang mendekati lelaki terlebih dahulu.

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, hanya empat peribahasa sahaja yang akan dianalisis secara terperinci oleh pengkaji. Data yang telah dipilih akan ditafsir maknanya secara keseluruhan. Tambahan

lagi, analisis kajian ini akan menggunakan rangka rujuk silang (RRS) untuk membantu proses tafsiran data-data tersebut.

Hasil pencarian, sebanyak 25 peribahasa Melayu telah dikenal pasti mengandungi unsur feminisme sebagai objek perlambangan. Beberapa contoh peribahasa yang terdapat unsur feminisme yang telah dipaparkan dalam Jadual 1 oleh pengkaji:

JADUAL 1. Senarai Peribahasa Yang Terdapat Unsur Feminisme

Peribahasa	Maksud
1. Bagai bulan penuh mengambang di kaki awan	Perempuan cantik yang keluar dari rumahnya kerana hendak berjalan
2. Bagai bulan empat belas	Kecantikan wajah seseorang wanita
3. Bagai cacing gila	Perempuan yang suka bertandang
4. Bagai gagak menggonggong telur	Perempuan hodoh berpakaian bagus
5. Bagai harimau beranak muda	Orang perempuan yang terlalu bengis
6. Bagai murai dicabut ekor	Perempuan yang suka bercakap banyak
7. Bulan mengambang dikandung awan	Lelaki yang merindukan seseorang perempuan dan perempuan itu telah diambil oleh orang lain.
8. Bunga kembang menanti layu	Kecantikan dan keelokkan seorang perempuan yang tidak kekal
9. Bunga tengah kembang di taman, baunya merebak ke mana-mana	Kecantikan seorang gadis yang telah gah ke mana-mana
10. Bunga yang layu tidak diberi oleh kumbang	Perawan tua yang tidak dipinang orang
11. Ladang yang mempunyai	Perempuan yang sudah berkahwin
12. Rumah buruk disapu cat	Perempuan tua yang suka bersolek
13. Rumah gedang ketirisan	Perempuan yang tidak membawa bahagia kepada suaminya
14. Telaga di bawah gunung	Perempuan yang membawa untung dan bahagia kepada suaminya
15. Perigi mencari timba	Perempuan cari lelaki
16. Bagai ayam mengeram telur	Perempuan yang sangat cantik
17. Hilang pelanduk berganti kijang emas	Perempuan yang bercerai dari suaminya yang hina, kemudian kahwin dengan seorang lelaki yang mulia
18. Bunga layu kembang semula	Orang tua yang bersolek seperti orang muda
19. Seperti bulan dipagar bintang	Perihal gadis yang memang cantik bertambah lagi cantik apabila dikelilingi oleh gadis-gadis yang cantik juga
20. Tumbuh di tanah gembur	Anak gadis yang berasal daripada keluarga yang mewah
21. Bunga tengah kembang di taman, baunya merebak ke mana-mana	Gadis yang cantik akan masyhur dan menjadi sebutan di mana-mana
22. Cincin emas takkan tampan berkaca mata	Gadis yang elok dan kaya takkan sejodoh dengan orang yang miskin dan hodoh
23. Cik puan melangkah ular tak lepas	Gerak-geri perempuan yang lemah lembut
24. Delima merekah	Warna bibir yang menarik pada perempuan
25. Jinak-jinak merpati	Orang perempuan yang nampak jinak tetapi setelah didekati ternyata sebaliknya

Jadual satu di atas menunjukkan dapatan data yang memaparkan 25 peribahasa yang berunsurkan feminisme. Hasil penelitian pengkaji, peribahasa yang dipaparkan telah dibahagikan kepada tiga domain iaitu domain keterampilan, domain sifat diri dan domain fitrah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat penggunaan beberapa objek peribahasa yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada masa lalu untuk menggambarkan seorang perempuan. Bagi tujuan penganalisan data, pengkaji telah menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif iaitu pendekatan yang membantu pengkaji untuk meneroka dan mencari jawapan bagi setiap perkara yang menjadi persoalan dalam diri pengkaji.

Pendekatan ini mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penutur. Kemudian, pengkaji akan menggunakan rangka rujuk silang (RRS) untuk menghuraikan makna peribahasa yang berkaitan dengan kajian. Data sokongan bagi kajian ini menggunakan data korpus yang dijana daripada Sistem Pangkalan Korpus Bahasa Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Bagi tujuan penganalisan data dengan lebih terperinci, pengkaji telah memilih empat peribahasa yang menggunakan unsur feminisme sebagai objek perlambangan, iaitu domain keterampilan, domain sifat diri dan domain fitrah yang terkenal.

JADUAL 2. Senarai Peribahasa Berserta Domain yang Dipilih

	Peribahasa	Interpretasi Makna	Domain
P1	Bagai bulan empat belas	Kecantikan wajah seseorang wanita	Keterampilan
P2	Jinak-jinak merpati	Orang perempuan yang nampak jinak tetapi setelah didekati ternyata sebaliknya	Sifat diri
P3	Perigi cari timba	Perempuan cari lelaki	Fitrah

Jadual dua merupakan senarai peribahasa yang dipilih dalam kajian ini bagi tujuan menganalisis dan mencungkil makna untuk setiap unsur feminisme

tersebut. Untuk tujuan pengkhususan, sebanyak empat peribahasa yang telah dipilih untuk dianalisis dalam kajian ini.

ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF PERIBAHASA DAN UNSUR FEMINISME

Peribahasa Domain *Keterampilan*

P1:

JADUAL 3. Peribahasa Bagai Bulan Empat Bulan

Peribahasa	Interpretasi Makna	Domain
Bagai bulan empat belas	Kecantikan wajah seseorang wanita	Keterampilan

Tahap 1: Makna Harfiah

Data P1 menggambarkan keindahan rupa paras seorang wanita. Berikut merupakan contoh

penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam akal budi penutur Melayu.

Tahap 2: Makna Kognitif

Contoh ayat 1:

- i. Apa bila sampai-lah Faridah Hanom ka-pintu bangunan tempat Shafik Afandi menunggu itu memanchar-lah chahaya nya menyuloh muka kekaseh-nya sa-umpama bulan empat-belas hari terbit menyulohi 'alam ini.

(AL-SYED SHEIKH BIN AHMAD AL-HADI.
FARIDAH HANOM. Sastera, 1964)

- ii. Maka dilihatnya seorang puteri diadap oleh segala dayang-dayang dan inang pengasuh, dan segala perwaranya duduk mengadap, terlalu elok rupanya seperti bulan empat belas hari bulan.

(HIKAYAT HANG TUAH (EDISI PELAJAR). Sastera, 1995)

- iii. Setelah perdana menteri mendengar segala menteri yang dengki itu maka ia pun kembali ke rumahnya dengan tangisnya, masygul akan Indraputra. Bermula setelah berapa lamanya Indraputra sudah dibuang ke laut itu, maka istri Raja Syahsyian pun menyakit hendak beranak. Setelah genap bulannya, pada ketika dinihari maka permaisuri pun beranak seorang perempuan terlalu amat baik paras rupanya, seperti bulan empat belas hari bulan, demikianlah rupanya.

(HIKAYAT INDRAPUTRA. Sastera, 1983)

Berdasarkan P1, padanan unsur feminisme dalam peribahasa P1 telah berjaya dijalankan. Hal ini kerana, peribahasa dan maknanya dapat dilihat pada RRS tersebut. Misalnya contoh data korpus (i) di atas, peribahasa *sa-umpama bulan empat-belas* boleh difahami konsep serta interpretasi maknanya melalui premis tambahan yang mendahului peribahasa tersebut. Elemen *bulan* dilihat telah digunakan untuk menyampaikan makna dan konotasi yang berkaitan. Jika kita perhatikan pada P1, leksikal *bulan* dikonotasikan dan dipadankan kepada *memanchar-lah chahaya nya menyuloh muka kekaseh-nya*. Setelah RRS dilakukan pada petikan, wujud dua premis tambahan pada peribahasa ini yang membantu pembaca untuk memproses maklumat yang disampaikan oleh penulis. Berdasarkan konteks ayat di atas, apabila Faridah sampai di pintu bangunan di tempat Shafik berada, Shafik melihat wajah Farah yang cantik seakan menyulahi tempat tersebut. Oleh itu, *memanchar-lah chahaya nya* dikolokasikan dengan *bulan empat belas*. Hal ini kerana kedua-dua membawa maksud kepada cahaya yang cantik terpancar daripada objek perlambangan.

Seterusnya, bagi data korpus (ii) pula, '*seperti bulan empat belas*' merujuk kepada keindahan rupa paras seorang puteri yang telah diadapkan oleh dayang-dayang dan inang pengasuhnya. Makna peribahasa yang digunakan dalam data korpus ini mudah untuk difahami kerana wujud premis tambahan bagi peribahasa ini yang membantu pembaca untuk memproses segala maklumat melaluinya. Dalam ayat tersebut, maklumat tambahan yang merujuk bagi *bulan empat belas* boleh dirujuk silang dengan frasa *terlalu elok rupanya*.

Berdasarkan konteks ayat (ii), rupa paras tuan puteri sangat indah apabila dilihat. Berdasarkan premis tambahan ini, usaha pembaca untuk memproses dilakukan dengan mudah kerana kedua-dua frasa ini memiliki persamaan maklumat iaitu *elok* dan *bulan* yang merujuk kepada kecantikan wajah seorang perempuan. Konteks ayat (ii) menunjukkan bahawa rupa paras seseorang adalah cantik ketika dilihat. Di samping itu, padanan ini dilakukan adalah kerana terdapat persamaan situasi dimana kedua-duanya ialah mengenai keterampilan seorang perempuan. Maka, perkara yang dapat menghubungkan makna ungkapan tersebut ialah keterampilan diri seseorang yang cantik.

Kemudian, contoh data korpus (iii) leksikal *seorang perempuan dan terlalu amat baik paras rupanya* telah dirujuk silang dengan *bulan empat belas*. Jika diteliti, peribahasa *bulan empat belas* ini mempunyai antededen yang menyebabkan pembaca kurang memahami peribahasa ini. Namun, dengan premis tambahan yang digunakan dalam konteks ayat ini membantu pembaca untuk memahami konteks ayat tersebut. Hal ini kerana, peribahasa bagi data korpus (iii) dapat difahami dengan bantuan premis tambahan di awal ayat tersebut. Maka, berdasarkan konteks dalam ayat ini, *bulan empat belas* adalah berkaitan dengan konsep 'kecantikan'. Perkara ini merujuk kepada keterampilan diri seseorang perempuan yang dilihat cantik dan indah.

Berdasarkan perbincangan ini, perlambangan tersebut adalah bertujuan sebagai personifikasi kepada keterampilan perempuan yang memiliki ciri-ciri rupa paras tersebut.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



RAJAH 2. Gambaran Proses Kognitif Peribahasa Bagai Bulan Empat Belas

Sumber 1: <https://www.suara.com/tekno/2021/01/28/182051/fakta-fakta-bulan-purnama-di-atas-kabah-29-januari-2021>

Sumber 2: <https://depositphotos.com/photos/number-14.html>

Berdasarkan rajah 2, peribahasa P1 merujuk kepada maknanya kerana menggunakan analogi yang hampir sama. Peribahasa P1 yang berdomainkan keterampilan ini menggunakan bulan sebagai perlambangan yang merujuk kepada kecantikan rupa paras seorang wanita. Jika diteliti, masyarakat Melayu mengaitkan keindahan bulan yang bercahaya pada waktu malam dengan rupa paras wanita yang cantik sebagai perlambagan.

Menurut Arnold L. Lieber (1978) dalam penulisannya *The Lunar Effect: Biological Tides and Human Emotions*, sel-sel tubuh manusia dipengaruhi oleh medan magnet bulan dan perkara ini adalah relevan kerana tubuh badan manusia terdiri daripada 80% air. Menurut laporan Ghafar (2025), seperti air pasang surut, bulan juga mempengaruhi tindakan biologi tubuh manusia dengan cara yang sama. Ketika bulan penuh, tarikan graviti akan meningkat kemudian akan memberi kesan kepada fungsi otak yang menyebabkan perasaan dan rangsangan meningkat. Lebih menarik lagi apabila terdapat kajian yang menunjukkan wanita biasanya akan berovulasi dan tahap testosteron wanita akan meningkat. Keadaan ini dipanggil sebagai “kitaran

bulan putih”, iaitu fenomena wanita akan berdarah bersama pada bulan baru dan akan berovulasi pada bulan purnama. Beberapa penyelidik berpendapat bahawa kitaran haid wanita kadangkala menunjukkan penyelarasan dengan kitaran cahaya bulan, termasuklah fasa bulan penuh, yang mungkin dipengaruhi oleh faktor pencahayaan semila jadi (Helfrich-Förster et al. 2021).

Hasil pemerhatian pengkaji, peribahasa ini telah merujuk maknanya kerana telah mengkolokasikan perkara yang hampir sama iaitu peribahasa ini merujuk kepada keterampilan seorang perempuan. Jika diteliti, peribahasa ini menggunakan akal budi Melayu yang cuba untuk mendeskripsikan kecantikan rupa paras seorang wanita dengan ungkapan yang indah dan mudah difahami oleh sesiapa sahaja yang mendengar peribahasa ini iaitu dengan menyifatkan rupa paras seseorang dengan keindahan bulan ciptaan Tuhan. Secara harfiahnya, kecantikan wajah seseorang itu adalah subjektif dan membawa kepada konotasi makna yang positif dalam kalangan masyarakat Melayu. Malah, ia adalah pujian daripada seseorang kepada orang lain.

Sebagai contoh, apabila bulan purnama berlaku, manusia sering memuji kecantikan bulan tersebut dan orang Melayu menganggap bulan adalah ciptaan Tuhan yang indah dan cantik. Bulan bersinar di malam hari mampu memberi kenyamanan dan ketenangan bagi manusia yang suka menikmati keindahannya. Hal ini kerana, cahaya bulan memberikan petunjuk supaya seseorang tidak tersesat dalam kegelapan malam. Kedua-dua situasi tersebut telah melalui proses kognitif berlakunya pengabstrakan bulan empat belas kepada 'kecantikan wajah seseorang wanita melalui makna abstrak keindahan atau kecantikan.

Tetapi persoalan yang bermain di fikiran, mengapa peribahasa ini menggunakan bulan untuk disamakan dengan keindahan rupa paras perempuan? Mengapa bukan ciptaan Tuhan yang lain di langit seperti bintang, meteor mahupun matahari yang dianalogikan sebagai keindahan wajah seorang perempuan? Setiap peribahasa yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu memiliki alasan yang tersendiri. Misalnya, bagi data peribahasa ini, sudah tentu masyarakat Melayu mempunyai alasan ketika mencipta peribahasa dengan menggunakan bulan sebagai perlambangan. Masyarakat Melayu terbukti amat peka dalam meneliti sesuatu perkara ketika mencipta peribahasa dengan menggunakan objek alam untuk menggambarkan keterampilan seorang perempuan. Maka, masyarakat Melayu yang terdahulu mungkin telah memerhatikan keadaan bulan yang terlihat jauh tetapi bercahaya cantik di langit. Objek bulan perlu yang memainkan peranannya dalam peribahasa ini mestilah dianalisis dan dicungkil sehingga dapat diselami maknanya dengan baik.

Selain itu, dalam Islam, menurut Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2023), malam ke-14 bulan hijrah berkemungkinan bulan purnama akan muncul. Hal ini kerana, setiap bulan hijrah sama ada 29 hari atau 30 hari dalam takwim hijrah. Setiap bulan bermula dengan anak bulan, maka bulan penuh iaitu bulan purnama jatuh pada sekitar hari ke-14 atau 15 hijrah. Bulan bersinar di malam hari dapat memberikan ketenangan dan kenyamanan kepada sesiapa saja yang melihatnya lebih-lebih lagi apabila fenomena bulan penuh berlaku. Hal ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Ibn Umar R. Anhuma, Baginda bersabda:

لَشَهْرٌ هَكَذَا وَهَكَذَا، يُعْنِي: ثَلَاثِينَ، ثُمَّ قَالَ: وَهَكَذَا وَهَكَذَا، يُعْنِي ثَمَانًا وَعِشْرِينَ، يَقُولُ: مَرَّةً ثَلَاثِينَ، وَمَرَّةً ثَمَانًا وَعِشْرِينَ

Maksudnya: "Bulan itu *begini, begini, dan begini*." Yakni tiga puluh hari. Kemudian Baginda bersabda: "Dan *begini, begini, dan begini*." Yakni dua puluh sembilan hari. Baginda SAW menyebut sekali tiga puluh hari dan sekali lagi dua puluh sembilan hari."

Pembuktian konkrit bagi peribahasa bagi bulan empat belas ini berhasil untuk mencungkil akal budi dan falsafah Melayu yang tersembunyi. Akal budi dan falsafah Melayu yang dapat digambarkan daripada peribahasa ini adalah konsep keindahan rupa paras seseorang. Ketajaman pemikiran dan luas pemerhatian masyarakat Melayu pada ketika itu dapat dibuktikan apabila perempuan dianalogikan sebagai bulan untuk merujuk kepada domain keterampilan diri seorang perempuan. Jika dilihat, bulan merupakan ciptaan Tuhan yang indah untuk dinikmati berulang kali dan kecantikan bulan itu tidak dapat digambarkan dengan kata-kata dan sesiapa sahaja yang melihat bulan akan hilang rasa stress yang menyelubungi diri. Dalam petikan P1 (i), cahaya yang menyulahi wajah perempuan itu dijadikan gambaran wajah yang indah dan tidak dapat digambarkan kecantikannya.

Selain itu, akal budi yang kedua yang dapat dicungkil daripada peribahasa ini adalah perempuan adalah tulang rusuk bagi seorang lelaki. Sudah menjadi salah satu fitrah dalam kehidupan ini untuk hidup berpasangan. Terdapat kisah setelah Allah ciptakan manusia pertama iaitu Nabi Adam AS daripada tanah, beliau tinggal dalam syurga bersendirian tanpa pasangan tetapi Allah SWT turut mencipta manusia itu mempunyai fitrah untuk berpasangan. Maka Allah SWT tidak membiarkan Nabi Adam AS bersendirian dan tulang rusuk kiri Baginda telah ambil dan diciptakan pasangan hidupnya yang kita kenali sebagai Hawa. Daripada kisah ini, dapat dilihat bahawa asal-usul wanita adalah sebahagian daripada lelaki. Hatta, sehebat manapun seorang lelaki itu, tanpa seorang wanita di sisi pasti hidupnya tidak akan lengkap.

Natijahnya, berdasarkan akal budi dan falsafah yang telah dihuraikan, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu mempunyai daya fikiran yang luas dalam menggambarkan keterampilan seorang perempuan dengan

menjadikan objek di sekeliling mereka sebagai lambang. Oleh itu akal budi Melayu menunjukkan

bahawa mereka mampu mengkolokasikan perkara di sekeliling mereka dengan peribahasa Melayu.

P3:

JADUAL 4. Peribahasa Jinak-Jinak Merpati

Peribahasa	Maksud	Unsur
Jinak-jinak merpati	Orang perempuan yang nampak jinak tetapi setelah didekati ternyata sebaliknya	Merpati

Tahap 1: Makna Harfiah

Peribahasa P3 merupakan peribahasa yang merujuk kepada perempuan yang nampak mudah untuk

didekati tetapi setelah didekati ternyata sebaliknya. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam akal budi penutur Melayu.

Tahap 2: Makna Kognitif

i. Bagi Rantap, sa-tiap senyuman dan gerak-geri Mawar semua-nya indah yang tidak dapat hilang dari impian-nya. Chinta-nya kepada gadis yang berbadan kechil mongel itu tidak dapat di-lukiskan-nya dengan kata². Peluang-nya untuk melepaskan perasaan hati dan chinta-nya yang sentiasa bergelora itu sampai sekarang maseh belum di-temui-nya. Apa lagi apabila di-dapati-nya Mawar bukan-lah sa-mudah gadis² lain yang senang di-kail dengan pujok rayu. Mawar umpama **jinak² burung merpati**. Sifat-nya selalu menyendiri dan jarang-jarang kelihatan bergaul dengan rakan² sa-baya-nya. Dan ini menjadikan Rantap serba salah. Dia hanya dapat menyimpan perasaan hati-nya saperti menyimpan benda busok yang perlu di-luarkan segera. ▲

(ZAINAL ABIDIN IBRAHIM. *TALI KIKEK TALI TERAJU*. Sastera, 1976)

ii. Menjejaki wanita istimewa ini bukanlah mudah sebagaimana yang disangkakan. Beliau umpama **jinak-jinak merpati**, senang di dekat ditangkap lari. Beliau seolah-olah ingin menjauhkan diri daripada media massa, namun sikap tidak berputus asa penulis akhirnya membuahkan hasil biarpun beberapa kali temujanji terpaksa ditunda atas kesibukannya. Kehadiran Wan Zaleha bersama suaminya Peter di ruang pameran Urban Culture pagi itu cukup membuatkan penulis lega.

(NONA APRIL 2002. Wanita, 2002)

Berdasarkan contoh ayat di atas, peribahasa Data P3 (i) iaitu jinak-jinak merpati boleh difahami konsep dan maknanya melalui premis tambahan yang mendahuluinya. Peribahasa ini jelas menunjukkan proses kognitif yang berlaku dalam peribahasa jinak-jinak merpati iaitu perempuan yang terlihat mudah untuk didekati tetapi sebenarnya sukar. Berdasarkan petikan ini, terdapat premis tambahan pada awal ayat yang membantu pembaca untuk memahami konteks ayat dan maksud peribahasa yang digunakan dalam petikan. Pembaca turut dibekalkan dengan premis tambahan pada ayat seterusnya iaitu sifat Mawar yang selalu menyendiri dan jarang bergaul. Premis tambahan lain yang membantu pembaca untuk memahami dengan lebih jelas apabila dalam petikan ini menyatakan bahawa perempuan tersebut adalah

perempuan yang mempunyai nilai harga diri yang tinggi dan tidak mudah untuk dimiliki. Oleh itu, sifat diri yang dinyatakan dengan peribahasa ini merupakan sifat diri yang baik dalam diri seorang perempuan.

Bagi data korpus (ii) pula, maksud peribahasa dalam petikan data korpus (ii) jelas dan mudah untuk difahami. Premis tambahan iaitu senang di dekat ditangkap lari dapat dirujuk silang dengan *jinak-jinak merpati*. Berdasarkan konteks, *jinak-jinak merpati* dalam ayat ini merujuk kepada perempuan yang terlihat mudah untuk didekati tetapi hakikatnya semakin didekati, perempuan tersebut semakin menjauhkan diri. Proses yang diperlukan untuk pembaca memahami maksud sebenar petikan ini. Premis tambahan dalam petikan ini menyatakan

dengan jelas bahawa perempuan istimewa yang dicari sukar untuk didekati kerana kerap melarikan diri daripada media massa. Namun, apabila dipujuk berkali-kali oleh penulis, perempuan tersebut akur untuk ditemu ramah.

Secara ringkasnya, peribahasa jinak-jinak merpati ini membawa maksud kepada perempuan

yang kelihatan mesra, mudah didekati, liar sebenarnya sukar untuk didekati. Sifat diri ini boleh dijelaskan sebagai sifat diri yang baik dalam diri seorang perempuan. *Merpati* dalam peribahasa ini dirujuk kepada seorang perempuan manakala *jinak-jinak* pula merujuk kepada sifat diri seorang wanita.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



RAJAH 4. Gambaran Proses Kognitif Peribahasa Jinak-Jinak Merpati

Sumber 1: <https://www.mudah.my/malaysia/pets-for-sale>

Peribahasa ini juga merupakan peribahasa dalam domain sifat diri yang menggunakan merpati sebagai unsur yang merujuk kepada perempuan yang nampak jinak tetapi sebenarnya adalah sebaliknya. Burung merpati atau dikenali sebagai *Columbidae* merupakan sejenis burung berleher pendek dan berbadan gempal. Burung merpati mempunyai paruh yang pendek dan langsing (Sultan Alaeddin Suleiman Shah College, Universiti Putra Malaysia, 2025). Jika diperhatikan, burung merpati ini dilihat mudah untuk didekati kerana sering berada di kawasan tanah dan bergerak dalam kumpulan. Namun begitu, apabila didekati, burung merpati ini akan melarikan diri. Setiap peribahasa yang dicipta oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai justifikasinya yang tersendiri. Sebagai contoh, bagi peribahasa P3, masyarakat pada ketika itu sudah semestinya mempunyai alasan mengapa mereka menggunakan merpati sebagai objek perlambangan.

Berdasarkan peribahasa jinak-jinak merpati, akal budi Melayu yang dapat ditemui adalah ketajaman pemikiran masyarakat Melayu dalam mencipta peribahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkara ini dapat dibuktikan dengan pemerhatian masyarakat terhadap perkara di sekeliling lalu disesuaikan dengan situasi yang dialami pada waktu tersebut. Masyarakat Melayu pada waktu itu menjadikan burung merpati yang kelihatan jinak sebagai sifat diri seorang perempuan yang kelihatan jinak sebagai perlambangan sifat wanita yang terlihat lembut dan jinak, namun memiliki pendirian serta ketegasan tersendiri apabila didekati. Yang dilihat pada mata masyarakat Melayu ketika itu, sifat burung merpati disepadankan dengan seorang perempuan yang nampak jinak tetapi apabila didekati adalah sebaliknya.

Seterusnya, akal budi yang kedua yang dapat dilihat dalam peribahasa ini adalah memberi

peringatan untuk perempuan agar sentiasa jual mahal. Hal ini kerana, kehormatan seorang perempuan amat tinggi kedudukannya dalam masyarakat Melayu. Perempuan dianalogikan sebagai permata yang berharga dalam sebuah keluarga, bangsa, negara mahupun peradabannya. Oleh hal itu, Islam amat menitikberatkan pada kaum wanita untuk menjaga kehormatan diri. Hal ini kerana, Allah SWT telah mengangkat martabat wanita dan memberi khabar berita yang gembira bagi mereka yang mempunyai anak perempuan lalu menjaga dan mendidiknya dengan baik seperti yang telah diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah bahawa Rasulullah SAW, “Barangsiapa yang diuji dengan

anak-anak perempuan, kemudian dia berbuat baik kepada mereka, maka anak-anak perempuan tersebut akan menjadi penghalang dari seksa api neraka” (H.R Muslim). Maka, peribahasa ini memberi peringatan kepada perempuan supaya menjaga kehormatan diri walaupun sifat dalam diri kelihatan mudah didekati. Memelihara akhlak keperibadian diri nescaya akan selamat dunia dan akhirat.

Tuntasnya, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu zaman dahulu menjadikan merpati sebagai objek perlambangan dalam peribahasa Melayu. Daya pemikiran masyarakat Melayu yang luas dapat dibuktikan melalui makna tersirat yang telah diterokai oleh pengkaji.

Peribahasa Perigi Domain *Fitrah*

P3:

JADUAL 5. Peribahasa Perigi Cari Timba

Peribahasa	Interpretasi Makna	Domain
Perigi cari timba	Perempuan cari lelaki	Fitrah

Tahap 1: Makna Harfiah

Peribahasa P4 merujuk kepada perempuan yang mendekati seorang lelaki dahulu bagi tujuan

berkahwin. Berikut merupakan contoh penggunaan peribahasa tersebut serta huraian proses kognitif yang berlaku dalam akal budi penutur Melayu.

Tahap 2: Makna Kognitif

- i. Masalah **perigi mencari timba** tidak timbul lagi kerana urusan pinang meminang tidak semestinya lelaki sahaja. ▲

(Sistem Kad Bahan Perkamusan (Baris # 1121).

- ii. Dalam penilaian Kamariah yang ikhlas, dia telah membuat keputusan untuk tidak menerima semula rujuk Prof. Mansor. Sepertimana dia merelakan lelaki itu menikahinya setelah genap idah perceraianya dengan Murad suatu ketika dahulu, kini dia hanya menanti lamaran yang akan dilakukan oleh Murad seorang. Biarlah dia seumpama **perigi yang terus setia menunggu kehadiran sang timba.** ▲ Tiada juga tercatat dalam hukum peradaban manusia yang menyalahkan seorang wanita untuk terus setia menanti kehadiran seorang lelaki yang benar-benar menjadi pilihan hatinya.

(ISMAIL SALLEH. *Pabila Rindu Berpaut*. Sastera, 2016)

iii. Menyampah pula apabila nama itu kerap sahaja disebut Misya. Syafiq, juga kelas yang sama, akhir-akhir ini banyak habiskan masa bersama. Bukannya dia tak suka pada lelaki hitam manis itu. Syafiq lelaki yang baik. Tapi, bunga risau berkembang memikirkan kalau-kalau Misya kecewa saat perasaan yang dilampiaskan tidak bersambut. Nanti jadi perigi yang mencari timba. Lagipun, dengar-dengar Syafiq menaruh hati kepada Dayah, bunga pujaan Jabatan Kejuruteraan.

(QAMARUL HASSAN. *Sang Pelindung (Beschutzen)*. Sastera, 2018)

Data korpus (i) menunjukkan pengaplikasian RRS bagi peribahasa perigi mencari timba yang bermaksud perempuan mencari lelaki tetapi sudah tidak menjadi masalah kerana urusan meminang bukan lagi untuk lelaki sahaja. Berdasarkan petikan ini, wujud premis tambahan pada ayat terakhir dalam petikan tersebut yang membantu untuk menjelaskan penggunaan peribahasa tersebut. Pembaca juga dibekalkan dengan maklumat tambahan yang menjelaskan bahawa urusan meminang sudah menjadi urusan kepada wanita juga.


Seterusnya, bagi data korpus (ii) pula, *perigi yang terus setia menunggu kehadiran sang timba* merujuk kepada seorang wanita yang setia menunggu lamaran daripada seorang lelaki. Data korpus yang ditunjukkan di atas merupakan peribahasa P3 yang mengaplikasikan RRS. Berdasarkan petikan ini, terdapat premis tambahan pada ayat terakhir yang membantu pembaca memahami makna peribahasa yang digunakan dalam petikan. Petikan ini juga

membekalkan maklumat tambahan dalam ayat yang terakhir yang menyatakan bahawa tiada kesalahan bagi seorang wanita untuk setia menunggu kehadiran seorang lelaki yang telah menjadi pilihan hatinya.

Selain itu, data korpus (iii) pula tidak banyak proses yang diperlukan untuk memahami maksud peribahasa yang digunakan. Hal ini dikatakan kerana, peribahasa perigi yang mencari timba dalam petikan ini merujuk kepada Misya yang takut sekiranya perasaan cintanya bertepuk sebelah tangan sahaja. Premis dalam data korpus (iii) jelas menyatakan berkenaan perempuan yang mencari lelaki yang menjadi pilihan hatinya.

Oleh itu, peribahasa *perigi cari timba* membawa maksud perempuan mencari lelaki. Pencarian ini dijelaskan sebagai tingkah laku negatif seorang wanita yang lebih gemar untuk mendekati lelaki yang didambakan itu dahulu. *Perigi* dalam peribahasa dirujuk sebagai seorang perempuan manakala *timba* pula merujuk kepada seorang lelaki.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif



RAJAH 5. Gambaran Proses Kognitif dalam Peribahasa Perigi Cari Timba

Sumber 1: <https://www.sinarharian.com.my/article/19137/sinar-islam/usman-sanggup-membeli-perigi-rum-dari-si-yahudi-untuk-kegunaan-penduduk-madinah>

Sumber 2: <http://www.warisanbudaya.50webs.com/file/Timba.html>

Peribahasa ini merupakan domain fitrah dalam diri seorang wanita dengan menggunakan perigi sebagai unsur yang merujuk kepada identiti seorang wanita. Perigi merupakan sebuah lubang yang digali ke dalam tanah bagi mendapatkan air dalam tanah. Perigi ini dicipta kerana tiada bekalan air paip dan penduduk di sekitar kawasan tersebut hanya mampu bergantung kepada perigi yang telah dibuat untuk mendapatkan air. Kebiasaannya, perigi digunakan dalam kehidupan masyarakat pada zaman dahulu untuk mendapatkan sumber air. Perigi ini sifatnya tidak bergerak dan hanya kekal di tempat yang telah dibina. Perigi juga dikenali sebagai telaga, sumur, tasik dan danau.

Dalam masyarakat Melayu, peribahasa *perigi cari timba* ini mungkin merupakan persepsi masyarakat terhadap perempuan yang memulakan langkah terlebih dahulu untuk merisik atau melamar lelaki. Perbuatan ini dianggap sebagai satu perkara yang kurang manis dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini kerana, dalam akal budi Melayu bagi peribahasa ini menunjukkan bahawa perbuatan merisik atau melamar merupakan usaha daripada seorang lelaki dan perbuatan tersebut merupakan salah satu perbuatan yang mengubah adat dan norma hidup masyarakat Melayu. Stigma masyarakat Melayu kebanyakannya berpendapat bahawa '*perigi mencari timba*' ini merupakan tindakan yang kurang manis kerana wanita dilahirkan dengan sifat malu yang tinggi. Dalam konteks pemikiran simbolik masyarakat Melayu, *perigi* sering dihubungkan dengan wanita kerana sifatnya yang menjadi tempat sumber kehidupan dan kesuburan. Oleh itu, pemilihan perigi sebagai lambang perempuan mencerminkan cara masyarakat Melayu menafsir hubungan antara jantina dan fungsi alam sekitar dalam kehidupan harian.

Jika kita perhatikan, majlis meminang atau merisik merupakan salah satu adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Malah, majlis seperti ini dilaksanakan dengan lebih sarat dengan adat istiadat dan protokol yang ketat. Ketika majlis merisik diadakan, pihak lelaki akan datang ke rumah keluarga pihak perempuan untuk bertanya, berkenalan dan juga menyiasat sedikit perihal anak perempuan yang ingin mereka kahwini. Malah, sebelum merisik juga pihak lelaki seharusnya memberitahu pihak perempuan mengenai niat mereka. Hal ini kerana, proses merisik atau meminang memerlukan ketelitian dan kepatuhan adab. Maka, boleh dilihat disini bahawa lelaki yang perlu memulakan langkah dalam menuju ke alam

perkahwinan dan perempuan hanya perlu memberi jawapan sama ada bersetuju ataupun tidak. Proses ini menunjukkan masyarakat Melayu meletakkan harga diri seseorang perempuan itu sangat tinggi sehingga lelaki yang perlu berusaha untuk mendapatkan perempuan yang dicinta. Jelaslah bahawa merisik merupakan adat tradisi masyarakat Melayu yang unik dan masih digunapakai hingga ke hari ini.

Selain itu, berdasarkan peribahasa yang telah dipilih, akal budi yang dapat ditemui adalah wanita perlu ada sifat malu yang tinggi. Hal ini kerana, dalam stigma masyarakat Melayu, perempuan dilahirkan dengan memiliki sifat malu yang bertempat supaya dapat mengelakkan melakukan perbuatan yang akan mencemarkan maruah diri dan keluarga seterusnya melakukan sesuatu perkara yang melebihi batasan yang telah ditetapkan dalam agama. Malu merupakan perisai bagi seorang perempuan untuk menjaga dirinya sendiri ketika berurusan dengan sesiapa sahaja lebih-lebih lagi yang berlainan jantina. Menurut Siti Jamilah (2023), sifat malu bertempat harus ditanam dalam diri seseorang wanita sejak kecil lagi agar ia menjadi sebatik apabila dewasa dan boleh menghindarkan diri daripada melakukan perbuatan yang ditegah oleh batasan agama yang sepatutnya. Islam juga meletakkan sifat malu itu sebagai salah satu sifat yang terpuji. Hal ini kerana, malu merupakan sebahagian daripada iman seperti sabda Rasulullah SAW diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa baginda bersabda "Iman itu memiliki lebih daripada enam puluh cabang, dan malu itu adalah sebahagian daripada salah satu cabang iman" (HR Bukhari). Maka, itu menjadi alasan masyarakat Melayu kurang bersetuju dengan lumrah seorang wanita yang seperti "perigi mencari timba" kerana bagi masyarakat kita, tindakan seperti itu menunjukkan sifat wanita yang terlalu beria untuk mendapatkan kasih sayang seorang lelaki.

Seterusnya, akal budi yang ketiga yang dapat diperhatikan dalam peribahasa ini adalah sifat seorang perempuan seharusnya menunggu. Lazimnya dalam adat merisik, lelaki yang akan datang ke rumah perempuan untuk meminang perempuan tersebut dan tindakan ini merupakan norma kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini kerana, dalam adat orang Melayu itu sendiri menetapkan kaum lelaki yang perlu berusaha lebih lagi untuk mengahwini seorang perempuan. Tidak dapat dinafikan, persepsi masyarakat terhadap perbuatan perigi mencari timba ini merupakan perbuatan yang berlawanan daripada adat orang Melayu. Walau bagaimanapun, tidak salah sebenarnya jika perempuan ingin memulakan

langkah sebelum lelaki dalam hal perkahwinan kerana dalam era modernisasi ini, perkara tersebut tidak dipandang kesalahan yang besar malahan Siti Khadijah R.A juga merupakan perempuan yang melamar Rasulullah SAW dengan menggunakan orang tengah yang diberi nama sebagai Nafisah. Ia hanyalah perkara yang jarang dilakukan sahaja tetapi dalam ingin menjadi *perigi cari timba*, seseorang perlulah menjaga maruah diri kita sebagai seorang perempuan agar tidak dipandang remeh oleh masyarakat sekeliling.

Pengamatan yang dilakukan oleh pengkaji dapat menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan adat yang menjaga kehormatan seorang perempuan. Maka, menerusi huraian ini, jelaslah bahawa masyarakat Melayu mempunyai fikiran yang kreatif dalam mencipta peribahasa.

RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, pengkaji mendapati masyarakat Melayu pada zaman dahulu banyak mengaplikasikan unsur feminisme dalam peribahasa Melayu. Setiap unsur feminisme yang telah dianalisis menggunakan RRS ini dapat menunjukkan beberapa domain dalam setiap peribahasa yang dipilih. Dengan ketajaman pemikiran masyarakat Melayu ketika itu, ia dapat dilihat menerusi sifat diri, fitrah serta keterampilan dalam diri seseorang wanita berdasarkan peribahasa yang telah digunakan untuk menggambarkan ciri-ciri seorang wanita. Dengan adanya bantuan daripada pemikiran masyarakat Melayu, dapat dilihat bahawa akal budi Melayu telah disebutkan dalam setiap peribahasa-peribahasa yang telah dianalisis. Misalnya, kajian pengkaji ini telah memfokuskan unsur feminisme dalam domain keterampilan, iaitu seperti bulan empat belas untuk menunjukkan kecantikan wajah seseorang wanita.

Berdasarkan analisis data, terdapat akal budi dan falsafah Melayu yang telah dicungkil maknanya dalam peribahasa Melayu yang menggunakan unsur feminisme sebagai objek perlambangan. Perbincangan mengenai akal budi dan falsafah Melayu ini dilakukan dengan mengenal pasti terlebih dahulu peribahasa yang menggunakan unsur feminisme sebagai objek perlambangan dan kemudian analisis Semantik Inkuisitif dengan menggunakan RRS diaplikasikan pada empat peribahasa, iaitu bagai bulan empat belas, bagai murai dicabut ekor, jinak-jinak merpati dan perigi

cari timba. Pada objektif pertama, pengkaji telah mengenal pasti sebanyak 25 peribahasa yang menggunakan unsur feminisme sebagai objek perlambangan. Peribahasa ini telah dipaparkan dalam jadual dalam bab 4. Pemilihan peribahasa ini diambil daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* (2017).

Seterusnya, bagi objektif kedua pula, pengkaji memilih peribahasa untuk dianalisis sehingga ke peringkat Semantik Inkuisitif untuk memahami makna perlambangan tersebut dengan lebih mendalam. Dalam objektif kedua ini, pengkaji menggunakan rangka rujuk silang (RRS) untuk dikolokasikan dengan peribahasa yang telah dipilih. Peribahasa tersebut telah dibahagikan mengikut domain tertentu yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Peribahasa yang berdomainkan 'Keterampilan', 'Sifat Diri' dan 'Fitrah' telah menjadi data kajian pengkaji. Peribahasa yang berdomainkan 'Keterampilan' merupakan peribahasa yang menggunakan 'bulan' sebagai objek perlambangan yang merujuk kepada rupa paras seorang perempuan. Selain itu, peribahasa yang berdomainkan 'Sifat Diri' merujuk kepada personaliti seorang perempuan manakala peribahasa yang berdomainkan 'Fitrah' merupakan lumrah dalam diri seorang perempuan. Setiap peribahasa yang telah dipilih oleh pengkaji ini merupakan peribahasa yang dianalisis maknanya dengan lebih mendalam.

Setelah diteliti oleh pengkaji pada analisis data peribahasa Melayu, pengkaji telah mendapati bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat menghargai ciptaan di sekeliling mereka dengan menjadikannya sebagai objek untuk mendeskripsikan sesuatu perkara sehingga mencipta peribahasa yang menggunakan unsur feminisme. Dengan wujudnya peribahasa tersebut, kita dapat melihat akal budi dan falsafah Melayu. Peribahasa yang pertama iaitu 'bagai bulan empat belas' merujuk kepada kecantikan wajah seseorang perempuan dan peribahasa ini adalah berdomainkan 'keterampilan'. Peribahasa ini menunjukkan bahawa wajah seorang perempuan itu indah untuk diamati dengan rupa parasnya yang elok. Selain itu, peribahasa ini turut menonjolkan bagaimana perempuan itu menjadi pelengkap bagi seseorang lelaki. Hal ini kerana, perempuan telah dicipta menjadi tulang rusuk kepada lelaki. Sama seperti bulan yang menjadi pelengkap kepada manusia dalam menunjuk arah sekiranya tersesat. Kecantikan yang untuk disampaikan oleh masyarakat Melayu sehingga menggunakan 'bulan' sebagai objek jelas membuktikan bahawa

masyarakat Melayu mempunyai akal fikiran yang kreatif dan peka dengan keadaan sekeliling sehingga dapat menghasilkan peribahasa yang menjadikan bulan sebagai analogi kepada rupa paras seorang perempuan.

Selain itu, peribahasa yang kedua adalah ‘bagai murai dicabut ekor’ membawa maksud perempuan yang suka bercakap banyak yang berdomainkan sifat diri. Peribahasa ini telah menggunakan perlambangan murai sebagai objek utama untuk menunjukkan sifat seorang perempuan yang banyak bercakap. Dalam peribahasa ini, murai digunakan sebagai objek perlambangan kerana burung murai merupakan burung yang banyak berkicau dan dalam peribahasa ini menuntut kita untuk menjadi seorang manusia yang bercakap apabila diperlukan sahaja. Hal ini kerana, bercakap banyak tanpa ilmu pengetahuan seakan-akan komunikasi yang tiada konteks yang berfaedah. Malah, peribahasa ini sangat menonjolkan murai itu adalah perempuan kerana jika dilihat perempuan pada masa kini lebih banyak mengeluarkan pendapat dan luahan mereka di laman sosial. Hal ini demikian kerana, itu adalah lumrah bagi seorang perempuan. Maka, bagi pengkaji, peribahasa ini merupakan peribahasa yang unik kerana masyarakat Melayu dapat mengkolokasikan perempuan dengan seekor burung murai. Jelaslah bahawa, setiap yang dilihat oleh masyarakat Melayu mampu menjadi akar umbi kepada penghasilan sesebuah peribahasa.

Peribahasa yang seterusnya merupakan ‘jinak-jinak merpati’ yang juga berdomainkan sifat diri. Peribahasa ini merujuk kepada seorang perempuan yang nampak mudah untuk didekati tetapi apabila didekati, ia menjadi yang sebaliknya. Sifat seorang perempuan itu adalah jual mahal dan mempunyai sifat malu yang tinggi. Oleh itu, melalui peribahasa ini, akal budi yang dapat dicungkil adalah menjadi seorang perempuan perlu tahu menjaga maruah diri walau apapun berlaku. Hal ini kerana, perempuan diciptakan dengan mempunyai sifat malu yang tinggi yang mampu membantu mereka untuk melindungi diri mereka sendiri.

Peribahasa yang terakhir pula adalah ‘perigi cari timba’ yang bermaksud perempuan mencari lelaki. Peribahasa ini merupakan peribahasa yang berdomainkan fitrah. Hal ini kerana, telah menjadi lumrah untuk seseorang mencari pasangan sekiranya pasangan tidak kunjung tiba. Walaupun peribahasa ini cuba menunjukkan kepada kita bahawa nilai seseorang perempuan adalah tinggi tetapi tidak salah sekiranya perempuan ingin mencari pasangannya.

Mencari pasangan bukanlah sesuatu yang kurang baik tetapi ia hanya jarang dilakukan dalam masyarakat Melayu. Justeru, tidak salah sebenarnya untuk perempuan yang memulakan langkah dalam fasa merisik atau meminang.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, peribahasa Melayu yang dianalisis daripada peringkat semantik resonans sehinggalah pada peringkat Semantik Inkuisitif untuk menerokai akal budi Melayu yang tersirat berjaya dilakukan. Tambahan lagi, pengkaji juga dapat mencungkil bukti konkrit untuk menunjukkan bahawa unsur feminisme sememangnya digunakan dalam peribahasa Melayu sebagai objek perlambangan. Kajian ini juga turut berjaya menghuraikan makna suatu objek yang telah dipilih dengan lebih mendalam dan terperinci. Huraian yang telah dilakukan adalah untuk membuktikan bahawa masyarakat Melayu sememangnya mempunyai daya fikiran yang kreatif dan luas dalam mewujudkan peribahasa. Implikasinya, kajian ini dapat memperluas kefahaman tentang pandangan dunia masyarakat Melayu terhadap wanita dan peranan mereka dalam sistem sosial. Dapatan ini juga turut memberi sumbangan kepada bidang semantik inkuisitif dengan menunjukkan cara bahasa menjadi wahana dalam menzahirkan nilai serta pemikiran feminisme dalam konteks Melayu.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain. 2017. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (Edisi Kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aisa Nurfika Mohd Sabarudin, & Nurul Jamilah Rosly. 2021. Unsur Bunga dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages, Volume 4*.
- Aminnudin Saimon, & Muhammad Asyraf Md. Rashid. 2022. Konsep Kepimpinan dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *INTERNATIONAL JOURNAL OF LANGUAGE EDUCATION AND APPLIED LINGUISTICS (IJLEAL)*, Vol. 12(Issue 1).
- Aminnudin Saimon & Muhammad Fuad Roslan. 2022. Gajah dalam Peribahasa Melayu: Analisis Rangka Rujuk Silang. *LSP International Journal* Vol. Issue 2.
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. 2021. Merungkai Makna Sajak “Istimewanya Kita”: Pengaplikasian Semantik Inkuisitif dalam Kalangan Murid Tahun Empat. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* Vol. 11.
- Hairul Nisma Wahab. 2020. Persamaan Makna Implisit Dalam Peribahasa Melayu dan Sepanyol Berunsurkan Haiwan. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*.

- Heri Dwi Putranto, Sutriyono & Bieng Brata. 2023. Studi Bioakustik: Karakteristik Suara Kicau Burung Murai Batu Jantan Domestikasi. *Jurnal Peternakan Indonesia*.
- Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar. 2023. Unsur Eufemisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*.
- Julaina Nopiah, Mohammad Aasim Addli & Maizura Osman. 2023. Cerminan Kuasa Melalui Peribahasa Melayu yang Berobjekkan 'Gajah' dan 'Harimau': Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*.
- Julaina Nopiah & Nur Yasmin Afifie Saiful Bahri. 2022. Pengkonsepsian Rasa Sebagai Refleksi Emosi Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik* Vol. 26 No. 1.
- Junaini Binti Kasdan & Julaina Nopiah. 2021. Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(1).
- Khairiah Mohd Yassin. 2019. Konsep Keperibadian dan Kesantunan Wanita Melayu Menurut Perspektif Ibu Zain. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, Jilid: 2(6).
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. 2019. Analisis Semantik Inkuisitif Peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* Vol. 16.
- Muhammad Hasan. 2015. Benda Astronomi Dalam Al-Quran Dari Perspektif Sains. *Teologi* 26.
- Nadzirah Roselan. 2022. 'Wanita Bahagia Bertutur 20 Ribu Perkataan Sehari'- Awas Bila Berubah Jadi Pendiam, Khuatir Ada 'Repression'! SirapLimau.com. Retrieved Jun 16, 2024, from <https://siraplimau.com/wanita-bahagia-bertutur-20-ribu-perkataan-sehari-awas-bila-berubah-jadi-pendiam-khuatir-ada-repression>.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. 2016. Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebiasaan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu* Bil. 15(2).
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2021. Lipas Dan Katak Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, Vol 25.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Maslida Yusof. 2018. *Kiasan, Kognitif dan Akal Budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Syazana binti Roslan & Nurul Jamilah Rosly. 2021. Leksikal 'Hati' dalam Simpulan Bahasa: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages* Volume 4.
- Rabiatul Adaweeyah. 2016. *Dilema Wanita: Apabila Perigi Mencari Timba*. tzkrh.com. Retrieved Jun 16, 2024, from <https://tzkrh.com/20166058/>
- Siti Humairah Abdul Rahaman & Nora' Azian Nahar. 2020. Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Siti Jamilah Mohd Sukri. 2023. *Sifat malu bertempat perisai wanita bertamadun - BebasNews*. ResearchGate. Diambil semula Jun 16, 2024, daripada https://www.researchgate.net/publication/374337519_Sifat_malu_bertempat_perisai_wanita_bertamadun_-_BebasNews
- Siti Nur Izzaty Binti Salit, Norsimah Binti Mat Awal & Harishon Radzi. (n.d.). Unsur Feminisme Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Wacana Sarjana* Jilid 2(1).
- Toto Jr. 2024. *Penyebab Burung Murai Cabut Bulu, Nomor 5 Paling Gawat Paling Susah Disembuhkan*. Selingkar Wilis Benar dan Relevan. <https://www.selingkarwilis.com/hobi/85012659291/penyebab-burung-murai-cabut-bulu-nomor-5-paling-gawat-paling-susah-disembuhkan>
- Zabedah Mohammed & Shaiful Bahri Md Radzi. 2020. Manifestasi Keluhuran Wanita dalam Peribahasa Cerminan Peradaban Melayu. *Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara*.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* Volume 11(3).
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2023. *Hari ke-13 Bulan Hijri, Tetapi Google Menunjukkan Bulan Penuh*. Maktabah al Bakri. Retrieved Jun 16, 2024, from <https://maktabahalbakri.com/3420-hari-ke-13-bulan-hijri-tetapi-google-menunjukkan-bulan-penuh>.